

Galeri Seni Lukis Negeri Perlis merupakan ilham kreatif Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis untuk merealisasikan sebuah galeri lukisan di negeri Perlis. Cetusan idea ini menjadi satu kebanggaan bagi pihak Perpustakaan Awam Negeri Perlis apabila dititahsarankan untuk merealisasikan hasrat ini memandangkan galeri ini merupakan galeri lukisan yang pertama ditubuhkan di Perlis.

Cetusan idea penubuhan Galeri Seni Lukis Negeri Perlis merupakan rentetan daripada beberapa buah pameran lukisan dan fotografi yang telah diadakan di Perlis sejak tahun 2012, iaitu Pameran Foto Ecuador *"The Sacred Waterfalls"* dan Pameran Seni Lukis Inspirasi Alam *"Odyssey: Perlis to Machu Picchu, Polish Peace Mission"*, dan Pameran Karya Seni ICMAT *"Perlis in Perspective"* Art Booth Camp yang telah diadakan secara kerjasama antara Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Arau, Persatuan Pelukis Perlis, Kedutaan Peru, Kedutaan Ecuador, Taylor's College, Yayasan Tuanku Syed Putra dan beberapa agensi lain.

Siri pameran ini telah diadakan secara bergilir-gilir di Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (UniMAP), Perpustakaan Awam Negeri Perlis dan Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan (UiTM Kampus Arau) sebelum kewujudan galeri ini.

Bagi merealisasikan hasrat DYTM Tuanku Raja Muda Perlis, Perpustakaan Awam Negeri Perlis Cawangan Simpang Empat dipilih sebagai lokasi penubuhan Galeri Seni Lukis Negeri Perlis. Dengan keluasan 2153 kaki persegi, ruangan tingkat atas bangunan

Galeri Seni Lukis Negeri Perlis

**CETUSAN KREATIF DYTM
TUANKU SYED FAIZUDDIN
PUTRA JAMALULLAIL
RAJA MUDA PERLIS**

perpustakaan ini telah diubah suai menjadi sebuah galeri. Empat buah bilik dijadikan sebagai galeri untuk menempatkan lukisan yang dipersembahkan kepada DYTM Tuanku Raja Muda Perlis. Pada ketika itu, galeri ini menempatkan kira-kira 180 lukisan dan dibuka kepada orang ramai pada 28 Mac 2014 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis. Majlis pelancaran rasmi Galeri Seni Lukis Negeri Perlis yang diadakan pada 16 Mei 2014 disempurnakan oleh DYTM Tuanku Raja Muda Perlis.

Sebagai permulaan pembukaan galeri ini, Perpustakaan Awam Negeri Perlis menerima sumbangan sebanyak 84 buah lukisan daripada City Art Gallery, Kuala Lumpur oleh Datuk Vincent Sim Tiak Choo kepada Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP), Perlis untuk dijadikan





Majlis Perasmian Galeri Seni Lukis Negeri Perlis pada 16 Mei 2014.

sebagai koleksi pameran. Kini, Galeri Seni Lukis Negeri Perlis memiliki 210 unit koleksi lukisan dan 200 unit koleksi fotografi yang ditempatkan oleh DYTM Tuanku Raja Muda Perlis dan pelbagai pihak lain.

Sejak penubuhannya pada tahun 2014, Galeri Seni Lukis Negeri Perlis telah menganjurkan pelbagai siri pameran lukisan dan fotografi dengan penglibatan pelbagai pihak dari dalam dan luar negara. Antara pameran yang pernah diadakan di galeri ini termasuklah Lukisan Seni Kontemporari 1Malaysia, Pameran Lukisan Thailand, Pameran Seni Sempena 40 Tahun Hubungan Malaysia – China, Arau 1, iaitu karya untuk koleksi YTSP, Pameran Fotografi “Perlis Permai Lagi Mempesona”, Pameran Fotografi Program Xplorasi Ilmu dan Fiesta Seni, Pameran Diorama PAPANs, dan Pameran Miniatur Eddie Putera.

Selain pameran, Galeri Seni Lukis Negeri Perlis turut menganjurkan program untuk memeriahkan aktiviti keilmuan dan kesenian dalam kalangan masyarakat tempatan. Antara program yang pernah dijalankan termasuklah Program Explorasi Ilmu dan Fiesta Seni, Jelajah Ilmu, Kursus Sebaran Pendidikan Seni Visual JPN Perlis, “*Snapshot for Advance Editing Workshop*” oleh Raja Kamal R. Hussin, dan pameran khas sempena lawatan DYTM Tuanku Raja Muda Perlis ke galeri ini sempena program Kayuhan MAIPs Peduli ke-54/2020.

Terkini, pada bulan Disember 2020, Galeri Seni Lukis Negeri Perlis mengadakan pertandingan *Digital Painting* menggunakan aplikasi dalam telefon dan hasil daripada pertandingan ini akan dicetak dan dipamerkan di galeri. Hal ini merupakan sebahagian daripada usaha yang dilakukan oleh Perpustakaan Awam Negeri Perlis untuk menambah koleksi lukisan




Keberangkatan DYTM Tuanku Raja Muda Perlis sempena Perasmian Program Fiesta Seni 2018.

dan fotografi di galeri, sekali gus menjadi tarikan baharu kepada pengunjung.

Selain pameran di Galeri Seni Lukis Negeri Perlis, koleksi lukisan dan fotografi juga pernah dipamerkan di luar sempena program yang dijalankan oleh jabatan atau kerajaan negeri. Antara pameran yang pernah diadakan di luar galeri termasuklah Pameran Fotografi Program Bacalah ... Kamu Masih di Hati@Pusat Koreksional Perlis, Pameran Fotografi "Perlis" sempena Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Dewan Undangan Negeri Perlis, Pameran Galeri Seni Lukis Negeri Perlis sempena Pameran Aneka Muzium di Perpustakaan Sultan Badlishah UiTM Merbok, Kedah, Pameran Fotografi "Perlis" Galeri Seni Lukis Negeri Perlis di Perpustakaan Cawangan Padang Besar, Pameran Fotografi dan Art Geng Cilik #1 2019 sempena Pesta Buku & Karnival Pembaca Perlis 2019, dan pameran bersama-sama Persatuan Pelukis Negeri Perlis sempena perasmian *Perlis Street Art*.


Bagi memelihara kualiti karya dan pendokumentasian koleksi galeri, Galeri Seni Lukis Negeri Perlis turut menjalankan sesi pemeliharaan dan pengiraan koleksi yang diadakan pada bulan Mac 2019. Antara aktiviti yang dilaksanakan dalam sesi ini termasuklah membalut lukisan yang tidak dipamerkan, mengkatalogkan koleksi foto dan lukisan, serta pengiraan jumlah koleksi. Sesi pendokumentasian ini penting untuk memastikan koleksi fotografi dan lukisan yang terdapat di dalam galeri ini sentiasa dalam keadaan baik dan terpelihara. Selain itu, pengiraan koleksi juga bertujuan untuk mengemas kini statistik koleksi semasa galeri.



Lukisan DTYM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil Raja Puan Muda Perlis yang bertajuk "Ocean Whispers".



Lukisan Pameran "Arau" persembahan daripada ASWARA kepada DTYM Tuanku Raja Muda Perlis untuk Galeri Seni Lukis Negeri Perlis.



Kedudukan Galeri Seni Lukis Negeri Perlis yang strategik, terletak di kawasan tumpuan masyarakat, iaitu Perpustakaan Cawangan Simpang Empat, menjadi kelebihan kepada galeri ini. Selain mengunjungi perpustakaan, pengunjung juga dapat melawat galeri di tingkat atas bangunan perpustakaan ini. Dalam tempoh tertentu, galeri ini menjalankan pameran secara berkala dan pengunjung dapat melihat dengan lebih dekat koleksi lukisan dan fotografi, terutamanya karya-karya anak jati Perlis.

Namun begitu, pada tahun 2020, jumlah pengunjung agak merosot disebabkan oleh



Pameran Miniatur atau Diorama
"Khutub Khanah" oleh Eddie Putera.



DYTM Tuanku Raja Muda Perlis bersama-sama DYTMs Tuanku Raja Puan Muda Perlis dan anakanda berkenan melukis menyempurnakan gimik Majlis Perasmian Galeri Seni Lukis Negeri Perlis.

pandemik COVID-19. Hingga bulan September 2020, Galeri Seni Lukis Negeri Perlis hanya menerima 807 pengunjung sahaja berbanding dengan tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, pengunjung galeri ini secara dalam talian mencecah 10 000 orang sejak Januari 2020. Hal ini menunjukkan bahawa aktiviti kesenian di negeri ini tidak terhenti, walaupun mengalami kekangan akibat COVID-19.

Bagi memastikan Galeri Seni Lukis Negeri Perlis terus diminati dan dikunjungi oleh masyarakat, Perpustakaan Awam Negeri Perlis telah merancang beberapa program dan pembaharuan agar galeri ini kekal relevan pada masa mendatang. Antara perancangan pembaharuan tersebut termasuklah pameran lukisan secara berkala di jabatan atau sekolah yang bertujuan memberikan pengalaman kepada seluruh rakyat di Perlis, terutamanya kepada mereka yang tidak memiliki kemudahan untuk mengakses galeri ini. Selain itu, galeri ini akan ditambah baik dengan kemudahan galeri maya 3D

untuk membolehkan para pengunjung dari dalam atau luar Perlis melawat galeri secara maya.

Di samping itu, Galeri Seni Lukis Negeri Perlis akan menjalinkan hubungan dan kolaborasi bersama-sama Persatuan Pelukis Negeri Perlis untuk menganjurkan *Perlis Street Art*, kursus atau bengkel serta pertandingan kesenian di seluruh negeri ini. Selain itu, pihak galeri ini turut berusaha dari semasa ke semasa untuk meningkatkan jumlah koleksi lukisan dan fotografi melalui sumbangan daripada organisasi atau perseorangan, di samping menambah bahan bacaan yang berkaitan dengan kesenian untuk rujukan pengguna dan penyelidik. Dari segi aktiviti perancangan di Perlis, Galeri Seni Lukis Negeri Perlis akan bekerjasama dengan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Perlis dan pihak Tourism Malaysia Perlis untuk bersama-sama mempromosikan negeri ini melalui aktiviti pameran seni lukisan.

Sebagai kesimpulannya, cetusan idea kreatif dan inisiatif DYTMs Tuanku Raja Muda Perlis untuk menubuhkan galeri seni lukis ini memberikan peluang kepada seluruh rakyat negeri ini merasai pengalaman mengunjungi pameran lukisan seperti Balai Seni di Kuala Lumpur, seterusnya dapat mendalami kepentingan seni sebagai pembentuk identiti dan jati diri. Melihat prestasinya sejak dari awal penubuhan pada tahun 2014, Galeri Seni Lukis Negeri Perlis membuktikan bahawa walaupun dalam skala kecil, galeri tersebut tetap mampu berdiri sama tinggi dengan galeri lain yang gah di Malaysia. Perpustakaan Awam Negeri Perlis merakamkan penghargaan kepada semua penyumbang karya di Galeri Seni Lukis Negeri Perlis dan mengharapkan sokongan semua pihak demi memastikan galeri ini terus gah dan bersemangat dalam memberikan perkhidmatannya kepada masyarakat. **DB**